PENDAKWA RAYA

lwn.

YOU YEONG HUAT

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOKHTAR SIDIN H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-8-92]
3 OKTOBER 1992

PROSEDUR JENAYAH: *Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 - Pembelaan dipanggil - Tertuduh membuat kenyataan tanpa bersumpah dari kandang orang salah - Menyatakan tidak mempunyai kawalan ekslusif laci di mana dadah berkenaan dijumpai - Nilai kenyataan dari kandang tanpa sumpah - Samada keraguan munasabah wujud - Seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952.*

Tertuduh telah ditangkap di dalam satu serang hendap di Taman Wahyu Kuala Lumpur di mana didapati, antara lain di dalam dompetnya 2 anak kunci. Hasil dari soalsiasat tertuduh telah membawa sepasukan polis ke sebuah rumah pangsa dan ke dalam sebuah bilik di rumah tersebut. Di sana tertuduh telah membuka sebuah laci almari dengan menggunakan salah satu kunci yang dijumpai di dalam dompetnya semasa beliau ditangkap. Dari dalam almari tersebut tertuduh mengambil enam bungkusan akhbar yang diserahkan kepada pihak polis.

Bungkusan-bungkusan tersebut mengandungi dadah dan berat sepertimana di dalam tuduhan dan juga mendapati pihak pendakwaan telah menimbulkan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh di mana pendakwaan telah membuktikan bahawa tertuduh adalah pemegang kunci laci almari di mana dadah berkenaan telah dijumpai. Dengan itu s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah terpakai. Tertuduh telah diarah mengemukakan pembelaan. Di dalam pembelaan tertuduh yang di buat melalui kenyataan tanpa bersumpah dari kandang orang salah, beliau menyatakan dadah yang dijumpai adalah kepunyaan bapanya yang menyimpannya di dalam laci tersebut. Beliau juga menyatakan almari di mana dadah tersebut dijumpai digunakan oleh ahli keluarganya yang lain dan seluruh ahli keluarganya mempunyai kunci kepada almari tersebut.

Mahkamah menimbangkan tekanan wajar yang harus di beri di atas kebenaran kenyataan tanpa sumpah dari kandang orang salah.

Diputuskan:

[1] Kenyataan tertuduh bahawa almari bukanlah kepunyaan ia seorang disokong bukan hanya oleh abangnya tetapi juga oleh saksi pendakwa iaitu pegawai penyiasat kes ini. Pendakwa tidak dapat mengesahkan bahawa ahli keluarga tertuduh yang lain tidak mempunyai kunci laci tersebut.

[2] Tiada keterangan yang menunjukkan barangan lain yang dijumpai di dalam almari laci di mana dadah berkenaan dijumpai telah disimpan oleh tertuduh.

[3] Walaupun kenyataan dibuat oleh tertuduh adalah dari kandang tanpa bersumpah dan tidak tertakluk kepada soal balas oleh pihak pendakwa, Mahkamah perlu menimbangkan kenyataan berkenaan lebih-lebih lagi bila keterangan tersebut itu telah disokong ("corroborated")

[4] Sungguhpun kenyataan tertuduh susah dipercayai kebenarannya, setelah meneliti keterangan keseluruhannya adalah didapati "on the balance of probabilities" apa yang dinyatakan oleh tertuduh berkenaan laci tersebut mungkin benar kerana keterangan sokongan

(corroboration) dari saksi-saksi pendakwaaan. Ini menimbulkan keraguan yang munasabah samada tertuduh mempunyai ekslusif "control or possession" laci dimana dadah berkenaan dijumpai. Oleh sedemikian didapati tertuduh tidak bersalah.

[Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Lee Boon Gan v. Regina [1954] MLJ 103 ***(diikuti)***
Mohamed Salleh v. PP [1969] 1 MLJ 104 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, s. 37(d), 39B(1)(a)

Bagi pihak pendakwaraya - Kamaruzaman Abd. Jalil Timbalan Pendakwaraya
Bagi pihak orang kena tuduh - Bachan Singh M/s. Bachan & Kartar

PENGHAKIMAN

Mokhtar Sidin H:

Orang kena tuduh di dalam kes ini bernama You Yeong Huat. Pertuduhan ke atasnya ialah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 25 Ogos 1991, jam lebih kurang 6.00 petang, di rumah No. 58-1 Tingkat 1, Jalan K, Taman Batu, Jinjang off Jalan Ipoh, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan, didapati telah mengedar dadah berbahaya iaitu heroin seberat 21.83 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Di atas pertuduhan tersebut OKT telah meminta untuk dibicarakan.

Kes bagi pihak pendakwa ialah pada jam lebih kurang 1.15 petang pada 25 Ogos 1991, bertindak di atas satu maklumat, SP4 (PPP Mohd. Yusoff bin Hussain) bersama dengan lima anggotanya telah membuat satu serang hendap di Jalan Sibu 10, Taman Wahyu, Kuala Lumpur. Pada jam lebih kurang 1.30 petang, SP4 telah nampak kereta yang diberikan di dalam maklumat iaitu kereta bernombor WBP 2065 berhenti di belakang Restoran Sin Fatt, di Jalan Sibu 10. Orang kena tuduh adalah pemandu kereta itu dan ia seorang sahaja yang berada di dalam kereta tersebut. Orang kena tuduh telah turun daripada kereta tersebut dan apabila ia berada lebih kurang 20 kaki daripada kereta tersebut ia telah ditahan oleh dua orang anggota pasukan SP4 iaitu SP6 (DPC 109669 Chang Sing Kong) dan Det. L.Kpl. 63510 Rosly bin Mohd. Yunus. SP4 yang terlewat sedikit turun daripada keretanya telah pergi ke tempat di mana OKT balik ke kereta WBP 2065 di mana pemeriksaan badan ke atas OKT telah dilakukan oleh SP4. SP4 telah menjumpai satu 'pager', anak kunci kereta dan satu dompet. Dompet tersebut telah dikemukakan sebagai eksibit P36. Di dalam eksibit P36, SP4 telah menjumpai wang tunai sejumlah RM121, kad pengenalan di atas nama OKT dan di bahagian berzip dua anak kunci jenama "Globe". Selepas itu SP4 telah membuat pemeriksaan ke atas kereta WBP 2065 tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah.

Kemudian SP4 dan anggotanya telah membawa OKT ke pejabatnya di Cawangan Anti Dadah, Ibu Pejabat Kontinjen, Kuala Lumpur di mana soalsiasat telah dijalankan. Mengikut SP4 hasil dari soalsiasat tersebut pada jam 6.00 petang OKT telah membawa SP4 dan anggota pasukannya ke rumah No. 58-1, Tingkat 1, Jalan K, Taman Batu, Jinjang, Kuala Lumpur. Rumah tersebut terletak di Tingkat 1, rumah pangsa empat tingkat. Semasa di bawa ke rumah tersebut tangan OKT bergari di hadapan. Apabila sampai mereka terus masuk ke bilik tidur belakang rumah tersebut. SP4 telah menutup pintu bilik tersebut dan menyatakan bahawa ia telah

membuka gari tangan OKT. SP4 seterusnya menyatakan ia telah memberikan salah satu kunci jenama "Globe" yang telah dikemukakan sebagai eksibit P4 kepada OKT. SP4 menyatakan bahawa OKT telah membuka laci almari dan dari dalamnya mengambil enam bungkusan akhbar yang telah diserahkan kepada SP4.

Bungkusan akhbar ini telah dikemukakan sebagai eksibit-eksibit P13, P16, P19, P22, P25 dan P.28. Laci almari telah dikemukakan sebagai eksibit P8.

SP4 seterusnya menyatakan bahawa ia telah membuka tiap-tiap bungkusan. Di dalam tiap-tiap satu bungkusan ia mendapati 10 paket plastik yang mengandungi ketulan-ketulan dan serbuk berwarna merah jambu yang disyaki mengandungi dadah heroin. Kesemuanya ada 60 peket-peket plastik. Peket-peket plastik berkenaan yang telah kosong kerana isi kandungannya telah dikeluarkan oleh ahli kimia, SP3 (Encik Gan Ber Koon) semasa penganalisaan dibuat telah dikemukakan sebagai eksibit P14A - P14J, P17A - P17J, P20A - P20J, P23A - P23J, P26A - P26J dan P29A - P29J. Di dalam laci (eksibit P8) juga SP4 telah menjumpai satu gambar di dalam 'frame' (eksibit P7), satu album kecil (eksibit P6) di mana di dalamnya didapati empat keping gambar besar dan satu keping gambar kecil, satu sampul surat dengan tiga helai pucuk surat di dalamnya (eksibit P5), satu bungkusan peket-peket plastik kosong (eksibit P9), satu pemetik api jenama "Dunhill" dengan kotaknya (eksibit P34), resit pembelian pemetik api tersebut (eksibit P35) dan wang tunai sebanyak RM850 (eksibit P33).

SP4 kemudiannya membuat pemeriksaan di bilik tersebut dan keseluruhan rumah tersebut tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah yang lain. SP4 kemudiannya telah menangkap tujuh orang yang berada di dalam rumah tersebut termasuk seorang perempuan iaitu ibu kepada OKT. SP4 kemudiannya telah membawa ketujuh-tujuh orang tersebut dan OKT berserta dengan barang-barang kes ke pejabatnya di Cawangan Anti Dadah di IPK, Kuala Lumpur. Di sana SP4 telah menandakan semua barang-barang kes yang diambilnya bagi memudahkan ia membuat pengecaman di kemudian hari. SP4 juga telah menyediakan satu senarai bongkar (eksibit P32) yang telah ditandatangani oleh OKT di mana salah satu salinannya telah diserahkan kepada OKT. Pada jam 11.00 malam hari yang sama SP4 telah menyerahkan OKT dan barang-barang kes kepada SP7 (Insp. Saliman bin Kasim), pegawai penyiasat di dalam kes ini. Keterangan SP4 ini telah disokong oleh SP6 iaitu salah seorang anggota yang mengikutnya yang juga menjadi penterjemah kepada SP4.

SP7 pula memberi keterangan bahawa pada 25 Ogos 1991 lebih kurang jam 11.00 malam ia telah menerima OKT dan barang-barang kes daripada SP4. Ia juga telah menandakan barang-barang kes untuk memudahkannya mengecam barang-barang kes. Pada 27 Ogos 1991 lebih kurang jam 3.15 petang, SP4 bersama-sama dengan SP2 (DPC 69389 Disi bin Adnan) dan DPC 88127 Zulkifli bin Hashim telah pergi ke rumah No. 58-1, Tingkat 1, Jalan K, Taman Batu, Jinjang off Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Di sana ia telah mengarahkan SP2 untuk mengambil 10 keping gambar (eksibit P10A - P10J). SP7 juga telah melukis satu rajah kasar yang telah dikemukakan sebagai eksibit P37. Pada hari yang sama di pejabatnya SP7 telah mengarahkan SP2 untuk mengambil tiga keping gambar barang-barang kes yang telah dikemukakan sebagai eksibit P11A - P11C. Kemudian SP7 telah memasukkan enam bungkusan akhbar dan isi kandungannya ke dalam sampul surat (eksibit P3) dan di'seal'nya dengan seal PDRM 422 di mana kemudiannya telah disimpannya di dalam kabinet besinya yang berkunci. Dari mula ia menerima barang-barang kes daripada SP4, SP7 telah menyimpan barang-barang kes di dalam kabinet besinya yang berkunci dan ia sendiri yang memegang kuncinya. Barang-barang kes eksibit P33, P34 dan P35 telah diterima oleh SP7 daripada SP4 pada 2 September 1991 dan bukannya pada 25 Ogos 1991 kerana ketiga-tiga barang tersebut sebelumnya telah diserahkan oleh SP4 kepada seorang pegawai lain.

Pada 29 Ogos 1991 lebih kurang jam 10.47 pagi SP7 telah menyerahkan eksibit P3 dan isi kandungannya kepada SP3 (Encik Gan Ber Koon), seorang ahli kimia, di Jabatan Kimia Petaling Jaya dan menerima resit aku terima (eksibit P12) daripada SP3. SP3 menyatakan bahawa ia telah membuat penganalisaan isi kandungan yang terdapat di dalam 60 peket-peket plastik iaitu ketulan-ketulan dan serbuk berwarna merah jambu. Semasa penganalisaan ia telah menumbuk ketulan dan serbuk hingga menjadi serbuk. Di dalam penganalisaannya ia telah mengesahkan serbuk tersebut mengandungi dadah heroin. Ia menyatakan dadah heroin yang terdapat di dalam serbuk tersebut berat bersih kesemuanya ialah 21.83 gram sebagaimana yang dinyatakan di dalam pertuduhan. SP3 juga menyatakan bahawa heroin telah disenaraikan di Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952. SP3 seterusnya menyatakan selepas penganalisaan dibuat ia telah memasukkan kandungan eksibit P14A - P14J ke dalam satu peket plastik yang lain yang telah dikemukakan sebagai eksibit P15; kandungan eksibit P17A - P17J ke dalam satu peket plastik yang lain yang telah dikemukakan sebagai eksibit P18; kandungan eksibit P20A - P20J ke dalam satu peket plastik lain yang telah dikemukakan sebagai eksibit P21; kandungan eksibit P23A - P23J ke dalam satu peket plastik yang lain telah dikemukakan sebagai eksibit P24; kandungan eksibit P26A - P26J ke dalam peket plastik lain yang telah dikemukakan sebagai eksibit P27 dan kandungan eksibit P29A - P29J ke dalam peket plastik lain yang telah dikemukakan sebagai eksibit P30. Selepas itu ia memasukkan kesemua eksibit tersebut di dalam bungkusan akhbar masing-masing dan memasukkannya ke dalam sampul surat eksibit P3. Ia telah meng'seal' eksibit P3 dengan seal Jabatan Kimia Petaling Jaya No. 1. Pada 9 Disember 1991 lebih kurang jam 12.00 tengah hari ia telah memulangkan eksibit P3 dan juga menyerahkan tiga salinan laporan kimia kepada SP7.

SP7 seterusnya menyatakan setelah menerima balik eksibit P3 daripada SP3 ia telah menyimpan eksibit P3 di dalam kabinetnya yang berkunci. Pada 31 Disember 1991 SP7 telah menyerahkan eksibit P3 dan eksibit-eksibit yang lain kepada SP1 untuk didaftar dan disimpan di dalam stor eksibit. Pada 21 September 1991 iaitu pada hari perbicaraan ini mula dijalankan SP7 telah mengeluarkan eksibit P3 dan eksibit-eksibit yang lain daripada stor eksibit untuk tujuan dikemukakan ke Mahkamah.

Itulah kes bagi pendakwa. Di akhir kes pendakwaan saya telah memanggil OKT untuk membela dirinya di atas alasan bahawa pihak pendakwa telah membuktikan bahawa OKT adalah pemegang kunci kepada eksibit P8 di mana dadah berkenaan telah dijumpai. Mengikut saksi pendakwa OKT yang telah membuka laci tersebut dengan kunci yang dijumpai di dalam dompetnya. Dengan itu saya berpendapat s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya terpakai.

Di dalam pembelaannya OKT telah memilih untuk membuat kenyataan tanpa bersumpah dari kandang orang salah. Dia menyatakan bahawa enam bungkusan akhbar yang dijumpai di dalam laci iaitu eksibit-eksibit P13, P16, P19, P22, P25 dan P28 bukanlah kepunyaannya tetapi kepunyaan bapanya yang masih hidup pada masa itu. Ia juga menyatakan bapanya seorang penagih dadah dan bapanya menyimpan dadahnya di dalam laci tersebut. OKT menyatakan almari dan bilik di mana almari itu terletak adalah kepunyaan ibu dan bapanya tetapi ahli keluarganya yang lain biasa menggunakannya. Dia menyatakan seluruh ahli keluarganya mempunyai kunci kepada almari tersebut. Dua kunci almari yang dijumpai pada dirinya itu salah satu daripadanya adalah kepunyaan ibunya yang telah diserahkan kepadanya untuk disimpan dengan selamat kerana ibunya hendak keluar.

Mengikut authoriti-authoriti kenyataan dari kandang tidaklah boleh diberi tekanan yang serius di atas kebenarannya kerana ianya tidak dibuat secara bersumpah dan juga tidak tertakluk kepada soalan balas oleh pihak pendakwa. Walau bagaimanapun ianya perlu dipertimbangkan sebagaimana yang dinyatakan di dalam kes *Lee Boon Gan v. Regina* [1954] MLJ 103 di mana Spenser Wilkinson J (ia di masa itu) menyatakan di muka surat 105 seperti berikut:

Another ground of appeal was that the learned Magistrate appeared to have assumed that a statement from the dock was not sufficient proof for the purposes of rebutting the presumption arising under s. 11 of the Common Gaming Houses Ordinance. Mr. Lim Kheng Kooi for the appellant cited the case of *Rex v. Kwek Kim Chuan* (3), a report of which appears in Bradell on Common Gaming Houses, 2nd edition p. 169. In the course of his judgment in that case Fisher J said:

> It was urged for the Crown that proof can only mean evidence, and evidence in the legal sense of sworn testimony - and that as none of the accused gave evidence on oath but simply made statements there is no proof here at all...
>
> It seems to me that I must consider their recorded statements (which are of course recorded for a purpose), and give such weight to them as they appear to me to carry. They appear to me (there are only two) to be quite sufficient to rebut the presumption raised by the section, and to prove that this was a private party and that the place where it was held was not a common gaming house at all; and the whole circumstances of the case strongly corroborate this view.

It appears that in that case there were circumstances corroborating the accused's statement but except where there is corroboration it seems to me that there can be very few cases in which a statement made by the accused from the dock, which cannot be tested by cross-examination, can by itself amount to proof of anything. Such a statement may, it is true, raise a reasonable doubt in favour of the accused and may thus result in parts of the prosecution case not being proved, but in my view it would have to be a very convincing statement before it could, by itself, rebut a presumption of law. It is to be observed that in s. 3 of the Evidence Ordinance it is provided that a fact is said to be proved when after considering the matters before it the Court believes it to exist, and I think there is no doubt that a statement by the accused is one of the matters before the Court, although it may not be, strictly speaking, evidence. It would appear, therefore, that the Court must at least take it into consideration.

Berkenaan dengan tekanan yang patut diberikan kenyataan tanpa sumpah OKT telah dinyatakan di dalam kes *Mohamed Salleh v. PP* [1969] 1 MLJ 104 di mana di muka surat 105 Wee Chong Jin CJ telah menyatakan seperti berikut:

> In our judgment, the right of an accused at his trial on a criminal charge to make an unsworn statement from the dock is not a procedural right but a substantive right of an accused and accordingly does not depend on whether or not there is a specified provision for it in the Criminal Procedure Code. It seems to us beyond doubt that under our system of administration of justice, and it has been so throughout the entire history of our Courts, a person accused of a criminal offence before an established Court of justice has at his trial, as part of his defence, the right to make an unsworn statement from the dock if he wishes to do so. In our view this right can be taken away only by an express statutory provision to that effect.
>
> With regard to the question of prejudice arising out of the trial Judge's comment on the probative value of the unsworn statement of the appellant, we are of the opinion that it is proper for a judge in summing up to remind the jury that a statement from the dock is not sworn evidence which can be the subject of cross examination; that they can attach to it such weight as they think fit and that they should take it into consideration in deciding whether the prosecution have proved their case.

Pihak pembela telah memanggil DW1 (You Eng Wan) abang kepada OKT untuk memberi keterangan menyokong kenyataan yang dibuat oleh OKT. DW1 telah memberi keterangan menyokong sepenuhnya kenyataan OKT. DW1 menyatakan bahawa bapanya yang telah memberikan kepadanya enam bungkusan tersebut untuk disimpan di dalam laci tersebut. Ia memberikan keterangan ini setelah s. 132 Akta Keterangan 1950 dibacakan kepadanya.

Pihak pendakwa telah berhujah bahawa laci itu adalah di bawah ekslusif 'control' OKT kerana dua kunci itu berada pada diri OKT. Barang yang lain yang berada di dalam laci itu selain daripada enam bungkusan itu juga adalah kepunyaan OKT. Pihak pendakwa menyatakan surat eksibit P5 dan kandungannya eksibit P5A, P5B dan P5C adalah surat cinta yang ditulis oleh SP8 (Yeoh Wai Seng) kepada OKT dan dibawa berpindah dari rumah mereka di Sri Kembangan ke rumah tempat kejadian. Ini hanyalah hujah pendakwa tanpa apa-apa bukti. Adakah ini menjadi satu keterangan konklusif untuk menunjukkan laci itu dibawah 'control' OKT. Pada pendapat saya tidak. Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa OKT yang menyimpannya di situ. Kemungkinan surat itu memang sedia berada di dalam laci eksibit P8 apabila keluarga itu berpindah rumah. Kedua ialah gambar OKT di dalam 'frame' (eksibit P7). Pendakwa telah menghujahkan bahawa gambar itu disimpan oleh OKT?

Pada pendapat Mahkamah tidak semestinya gambar itu disimpan oleh OKT dan mungkin juga disimpan oleh ibu kepada OKT. Begitu juga dengan gambar di dalam album (eksibit P6). Kehadiran dua keping gambar OKT di dalam album tersebut tidak membuktikan ia kepunyaan OKT. Saya berpendapat eksibit P6 telah disimpan oleh ibu OKT kerana di dalam eksibit P6 terdapat tiga keping gambar sepupu OKT iaitu anak kepada kakak ibu OKT. Pada pendapat saya adalah lebih munasabah yang eksibit P6 disimpan oleh ibu OKT.

Berkenaan dengan lighter dan kotaknya (eksibit P34) dan resit pembelian (eksibit P35) pihak pendakwa telah cuba membuktikan pembeliannya dengan memanggil SP5 (Yong Lee Wah) tetapi SP5 sendiri tidak ingat kepada siapa ia menjual eksibit P34 dan resit eksibit P35 tidak dicatatkan nama pembelinya. Dengan itu pada pendapat saya pihak pendakwa telah gagal membuktikan eksibit P34 dan P35 adalah kepunyaan OKT.

Kenyataan OKT bahawa almari khususnya eksibit P8 bukanlah kepunyaan ia seorang sahaja bukan sahaja disokong oleh keterangan DW1 tetapi juga disokong oleh saksi pihak pendakwa SP7 iaitu pegawai penyiasat di dalam kes ini. Mengikut SP7 bilik tidur belakang di mana almari berkenaan ditempatkan adalah bilik ibu dan bapa OKT. OKT menduduki bilik tidur hadapan bersama-sama abangnya dan penyewa rumah. SP7 juga tidak dapat mengesahkan bahawa ahli keluarga OKT yang lain tidak mempunyai kunci laci tersebut. Saya rasa keterangan ini adalah penting bagi pendakwa untuk menunjukkan OKT mempunyai ekslusif 'control' laci eksibit P8. Keterangan bahawa almari berkenaan kepunyaan ibu dan bapa OKT disokong dengan terdapatnya pakaian perempuan di dalam almari dan juga alat solek di atas tempat solek almari tersebut.

Dengan itu sungguhpun kenyataan OKT susah untuk dipercayai di atas kebenarannya, setelah meneliti keterangan-keterangan yang diberikan saya berpendapat "on the balance of probabilities" apa yang dinyatakan oleh OKT berkenaan laci itu mungkin benar kerana adanya keterangan sokongan (corroboration) dari DW1 dan juga SP7. Ini telah menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas diri saya sama ada OKT mempunyai ekslusif 'control or possession' laci eksibit P8 di mana dadah berkenaan telah dijumpai.

Dengan adanya keraguan yang munasabah ini saya berpendapat OKT tidak bersalah. Dengan itu OKT dengan ini dilepaskan dan dibebaskan. Semua eksibit kecuali eksibit yang berupa dokumen dikembalikan kepada pihak polis untuk dilupuskan.

Also found at [1992] 4 CLJ 2116